

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PERPISAHAN UNTUK
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI KHAMIS, 15 APRIL 1999
JAM 10.00 PAGI**

BAKTI mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniannya dapat juga BAKTI meraikan Tuanku bagi kali yang terakhir sebagai Sen Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

2. BAKTI amat bertuah dan menjunjung kasih atas limpah perkenan Tuanku berangkat ke majlis perpisahan ini. Sungguhpun pada ketika ini Tuanku sibuk dengan persatuan-persatuan wanita lain yang semuanya ingin merai, menjunjung kasih dan mengucapkan selamat berangkat kepada Tuanku.

3. Lima tahun hampir tamat. Bagaikan sekelip mata masa berlalu, begitu pantas sekali. Tetapi yang jelas Tuanku berdua telah menjalankan peranan sebagai Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Negara Malaysia dengan penuh tanggungjawab dan perihatin terhadap hal ehwal rakyat jelata. BAKTI bersyukur dan mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuanku berdua kerana berjaya melaksanakan tugas negara dengan sempurna dan berkesan.

4. Dalam pengamatan BAKTI, Tuanku amat peka akan kehidupan rakyat umumnya yang kurang bemasib baik khususnya. Di bawah naungan Tuanku kanak-kanak yang kurang bernasib baik telah mendapat perhatian dan bantuan. Kemesraan yang Tuanku hulurkan ketika menjalankan tugas-tugas rasmi merapatkan lagi rakyat kepada Tuanku. Kewibawaan Tuanku memberi perangsang kepada BAKTI untuk terus bekerja kuat membantu yang malang. Selama Tuanku bersemayam di Kuala Lumpur BAKTI telah menyumbang sebanyak Sembilan Belas Juta, Enam Ratus Enam Puluh

Sembilan Ribu, Sembilan Ratus Enam Puluh Satu Ringgit Malaysia (RM19,669,961.00) di mana Bencana Alam sebanyak Lima Ratus Sembilan Belas Ribu, Lapan Ratus Ringgit (RM 519,800); Kebajikan Empat Belas Juta, Lapan Ratus Dua Puluh Enam Ribu, Enam Ratus Tiga Belas Ringgit (RM14,826,613); Dermasiswa Empat Juta, Tiga Ratus Dua Puluh Tiga Ribu, Lima Ratus Empat Puluh Lapan Ringgit (RM4,323,548).

5. Pada pagi ini, sebagai perjumpaan terakhir BAKTI dengan Tuanku, Ahli-ahli BAKTI telah menyediakan persembahan ringkas untuk hiburan kita semua. Namun, terlebih dahulu BAKTI mohon ampun dan maaf sekiranya ada kekurangan dan kesilapan yang tidak menyenangkan hati Tuanku. Diharapkan Tuanku akan terhibur dengan telatah ahli-ahli BAKTI. Untuk pengetahuan Tuanku, ramai antara yang mengambil bahagian ini kalau bekerja dengan Kerajaan sudah patut bersara tetapi kerana berhati muda maka mereka sanggup membuat persembahan ini. Dipersilakan Tuanku 'relax and enjoy this BAKTI show'.

6. Sekali lagi BAKU menjunjung kasih dan mengucapkan selamat berangkat pulang ke Negeri Sembilan Darul Khusus pada 25 April ini.

7. BAKTI mendoakan semoga Allah Subhanahuwa Ta'ala memelihara Tuanku berdua, mencucuri kesejahteraan dan kebahagiaan ketika bersemayam semula di Negeri Sembilan Darul Khusus.
